

31.12.2020

Siaran Media

Oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa
Ketua Pegawai Eksekutif
PBA Holdings Bhd dan PBAPP.

Pembalakan 25,000 hektar: 15.3% kawasan tадahan air Ulu Muda akan musnah

- **25,000 ha. bersamaan dengan 250 km persegi, atau 85% kawasan tanah di bahagian Pulau (*Penang Island*).**
- **Pada tahun 2018, Kerajaan Persekutuan menyatakan sejumlah 125,234 ha. hutan hujan di Ulu Muda dan sekitarnya telah dikenal pasti untuk diwartakan sebagai “hutan tадahan air”, dan “seluruh kawasan di sekitar Ulu Muda harus diwartakan sebagai taman perhutanan negeri”.**

PULAU PINANG, Khamis, 31.12.2020: Sekiranya 25,000 hektar (ha.) hutan hujan di Ulu Muda ditebang, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) akan kehilangan sekitar 15.3% hutan hujan di kawasan tадahan air yang paling penting. Kemusnahan hutan hujan di Ulu Muda pada skala sedemikian mengancam keselamatan bekalan air di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, terutama pada musim kering setiap tahun.

Kompleks Hutan Ulu Muda (Ulu Muda) meliputi kawasan seluas 163,000 hektar. Ini adalah kawasan tадahan air untuk Empangan Muda, yang mengalir ke Sungai Muda di Selatan dan Empangan Pedu dan Ahning yang mengalir ke Sungai Kedah di Utara.

Ketika ini, kira-kira 70% air mentah Perlis dan 96% air mentah Kedah berasal dari hutan hujan Ulu Muda. Sementara itu, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) mengabstrak lebih 80% air mentah yang diperlukan Pulau Pinang setiap hari dari Sungai Muda.

Pada 28.12.2020, MB Kedah dipetik oleh beberapa media massa telah menyatakan seluas 25,000 ha hutan hujan di Ulu Muda mungkin ditebang, selaras dengan “keizinan pembalakan”.



25,000 ha. hampir sama saiz bahagian Pulau

25,000 ha. mewakili kira-kira 15.3% daripada jumlah kawasan tanah Ulu Muda 163,000 ha., dan bersamaan 250 km persegi. Sebagai perbandingan, kawasan tanah bahagian Pulau (*Penang Island*) adalah 293 km persegi. Kehilangan kawasan hutan hujan (atau kawasan) yang hampir sama saiz Pulau (*Penang Island*) pasti akan mengurangkan peranan Ulu Muda sebagai kawasan tадahan air.

Oleh kerana Ulu Muda adalah kawasan tадahan air untuk Sungai Muda dan Empangan Muda di Kedah, penebangan 25,000 ha. hutan hujan boleh menyebabkan Sungai Muda dan Empangan Muda “kering” pada musim kemarau berpanjangan.

Sekiranya air dari Ulu Muda tidak mencukupi, akan berlaku krisis air wilayah yang mempengaruhi Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Seramai 4.2 juta penduduk akan menderita. Beribu-ribu perniagaan akan terhenti. Sumbangan KDNK dari 3 negeri (yang berjumlah RM147.8 bilion pada tahun 2019) akan menurun. Oleh kerana aktiviti pengairan juga akan terjejas, Kedah mungkin tidak lagi berfungsi sebagai “Jelapang Padi Malaysia”.

“Senario mimpi ngeri” ini mungkin merupakan hasil cadangan Menteri Besar Kedah untuk mengeksplotasi dan memusnahkan Ulu Muda sepenuhnya untuk keuntungan jangka pendek. Nampaknya rancangan permainan beliau adalah untuk membalak hutan hujan untuk membersihkan tanah bagi perlombongan mineral berikutnya, termasuk unsur nadir bumi (REE).

Hanya Kerajaan Persekutuan yang dapat menghalang beliau daripada mewujudkan bencana alam sekitar dan sosio ekonomi yang berkadar epik di NCER.

Skop dan kepentingan Ulu Muda sebagai kawasan tадahan air NCER

Dalam jawapan Parlimen pada 3.8.2020, Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) mengakui pentingnya Ulu Muda. Beliau menyatakan Kerajaan Persekutuan telah membayar RM60 juta berdasarkan Belanjawan 2019 dari Mei 2019, di bawah “Pemindahan Fiskal Ekologi untuk Pemuliharaan Biodiversiti” (EFT), bagi menggalakkan negeri-negeri melindungi dan memulihara “kawasan perlindungan” seperti Ulu Muda. Menteri juga menyatakan bahawa KeTSA akan memohon peruntukan EFT tambahan dari Kerajaan Persekutuan pada tahun 2021.



Inilah sebab mengapa Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP secara terbuka menyatakan sokongan kepada Kedah untuk memperolehi dana dan pampasan Persekutuan untuk memulihara Ulu Muda.

Dalam jawapan Parlimen yang lain bertarikh 3.12.2018, mantan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) menyatakan bahawa Kedah hanya mewartakan 51.046 ha. hutan hujan di Ulu Muda dan kawasan sekitarnya sebagai “hutan tадahan air”.

Menteri KATS juga menyebutkan bahawa Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah bersama-sama mengenal pasti seluas 125,234 ha. hutan hujan di Ulu Muda dan kawasan sekitarnya diklasifikasikan sebagai “hutan tадahan air” di bawah sub-seksyen 10 (1) (e) Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984). JPSM dan JPS juga mengusulkan agar “seluruh kawasan sekitar Ulu Muda diwartakan sebagai taman perhutanan negeri”.

Hentikan pembalakan di Ulu Muda sepenuhnya dan selama-lamanya

Pembalakan di Ulu Muda mesti dihentikan serta-merta. Ia adalah usaha jangka pendek yang berbahaya dan tidak rasional, berdasarkan fakta dan angka berikut:

- Hutan hujan di Ulu Muda sebenarnya membantu mewujudkan hujan. Melalui transpirasi, pembebasan air dari berjuta-juta tumbuhan di Ulu Muda meningkatkan jumlah wap air di udara. Pembebasan wap air ini menyokong pembentukan awan yang membawa hujan.

Fenomena semulajadi ini adalah sebahagian daripada kitaran hidrologi, dan ia menjelaskan mengapa udara adalah lembap di Ulu Muda. Itulah sebabnya mengapa begitu banyak hujan di Ulu Muda, menjadikannya kawasan tадahan air yang ideal. Dengan demikian, penebangan hutan hujan yang besar akan mengakibatkan hujan yang agak sedikit di Ulu Muda, dan seterusnya, kurangnya ketersediaan air mentah untuk Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

- Ulu Muda adalah kawasan tадahan air terbesar dan terpenting di NCER. Pembalakan akan menjaskan statusnya sebagai kawasan tадahan air dan boleh membawa kepada pengeringan Sungai Muda dan Empangan Muda ketika musim kemarau yang teruk.

Oleh yang demikian, hutan hujan Ulu Muda harus dibiarkan tidak tersentuh, untuk menghasilkan dan menadah sebanyak mungkin hujan.



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

Perlis, Kedah dan Pulau Pinang akan terus bergantung kepada Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air pada masa akan datang.

- Pada tahun 2019 dan 2020, Perlis, Kedah dan Pulau Pinang mengalami kesan buruk dari perubahan iklim dan krisis bekalan air yang nyaris-nyaris dielakkan.

Pada 14.4.2020, kapasiti Empangan Muda jatuh ke paras kritikal 4.4%. Paras Sungai Muda (di muka sauk Lahar Tiang Pulau Pinang), juga luar biasa rendah pada 1.29m, pada hari yang sama.

Oleh itu, penebangan hutan hujan Ulu Muda pada era perubahan iklim ini akan meningkatkan risiko krisis air dengan ketara di NCER dalam tempoh terdekat.

Kerajaan Persekutuan tidak boleh mengabaikan skop dan kepentingan Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air, di samping sifat perubahan iklim yang tidak dapat diramalkan di NCER dan potensi “kejatuhan sosio ekonomi” kesan krisis air serantau.

Usul Parlimen untuk melindungi dan memulihara hutan hujan Ulu Muda dan kawasan sekitarnya harus dilaksanakan dengan cepat dan betul. Ingatlah bahawa 4.2 juta rakyat Malaysia bergantung kepada Ulu Muda untuk bekalan air harian mereka, terutama pada masa pandemik global Covid-19 ini.

Tiga langkah penting mesti diambil untuk melindungi bekalan air dan kepentingan rakyat dan perniagaan di NCER:

1. Pembalakan di Ulu Muda mesti dihentikan serta-merta dan dilarang sama sekali.
2. Perlombongan, untuk REE dan mineral lain, tidak harus dibenarkan dalam kawasan tadahan air seperti Ulu Muda.
3. Kedah harus diberi pampasan yang adil, dengan dana Persekutuan, untuk melindungi dan memulihara Ulu Muda, sepenuhnya dan secara kekal.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat

Tel : 04-200 6607 Email : syarifah@pba.com.my